

Deklamator

negara kecewa

Oleh Rashiqah Ilimi Abd Rahim
rashiqah@bharian.com.my

HARAPAN pagar, pagar makan padi, begitulah realiti dunia sastera tempatan apabila *Sastera* dihabarkan bahawa Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka yang bermula sejak 1987, dihentikan pada tahun ini meskipun Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menjadi tunjang utama kepada acara berkenaan.

Desas-desus yang dilemparkan membawa khabar acara yang dirintis Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) itu terhenti berpunca daripada ketiadaan peruntukan untuk menampung kos penganjuran majlis puisi berprestij itu.

Skema ini membimbangkan khalayak puisi tanah air yang condong yakin bahawa penganjurannya akan terus terkubur, sekali gus membawa kesan negatif kepada perkembangan dunia kepenyairan negara, apatah lagi perkembangan bahasa Melayu dan kesusasteraan Melayu.

Meskipun usaha baca puisi anjuran Persatuan Penulis Nasional (PENA) dan Malam Puisi Riong oleh *Berita Harian* yang suatu ketika dulu hambar kembali riuh, ketiadaan Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka menjejaskan nilai pengucapan puisi, sedangkan ia boleh dijadikan sebagai wahana pengisian kemerdekaan khususnya kepada golongan muda.

Bagaimanapun, masalah sedemikian bukanlah isu baru kepada penggiat sastera tempatan kerana mereka sudah terbiasa berdepan dengan masalah ketiadaan peruntukan khusus ekoran tumpuan lebih diberikan kepada industri kreatif lain, khususnya hiburan yang membabitkan muzik dan seni persembahan.

Pensyarah Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Lim Swee Tin, turut melahirkan kekecewaannya kerana ketiadaan acara itu dianggap mencantas usaha penggiat seni tempatan untuk memartabatkan puisi dalam lingkungan masyarakat yang lebih luas.

“Keputusan ini berada di luar jangkaan khalayak puisi kerana mesyuarat penambahbaikan acara ini pada September lalu sudah membincangkan cara meningkatkan mutu sayembara ini merangkumi format baru pertandingan dan pemilihan karya, tetapi tiada tindakan susulan, sebaliknya berita mengecewakan ini,” katanya kepada *Sastera* pada wawancara di Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau ralat sekiranya desas-desus itu menjadi kenyataan kerana Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka sudah lama dimasyarakatkan sehingga sudah sebat dengan jiwa masyarakat, bahkan keindahan bait puisi dan mesejnya mampu mengisi pemikiran kerana mencakupi semangat patriotik yang menjadi asas dalam menajayakan gagasan 1Malaysia.

“Justeru, saya menaruh harapan agar ada persatuan penulis dan individu yang ikhlas bergerak demi kepentingan kesusasteraan Melayu khususnya deklamasi puisi, bersedia menunjukkan komitmen mereka termasuk menyumbangkan tenaga bagi menajayakan kembali kegiatan ini.

“Sekiranya masa suntuk, ia tidak mustahil dilaksanakan selagi ada persatuan penulis negeri bersedia mengendalikannya secara sederhana dengan menawar diri menjadi tuan rumah dan menyediakan sumber tenaga serta kerjasama boleh diadakan bagi men-



“Kepercayaan yang berlaku akhir-akhir ini sedikit sebanyak meruntuhkan semangat orang sastera untuk bergabung tenaga mengembalikan kegemilangan acara yang sudah berlangsung hampir 23 tahun ini. Persatuan penulis juga semakin kurang ampuh kerana terikat dengan politik dalaman persatuan”

Amran Ibrahim Rashidi
Penyair muda

cari dana jika mahu kegiatan ini berterusan,” katanya.

Beliau yakin bahawa pemuisi tidak keberatan sekalipun jika menerima nilai hadiah lebih rendah berbanding sebelum ini kerana apa yang lebih penting ialah mutu sayembara dan mesej puisi dapat dikongsi dengan khalayak umum sekalin acara berkenaan berterusan.

“Barangkali Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) boleh membantu menyelesaikan masalah ini seperti menaja hadiah buku kepada pemenang Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka dan badan



“Keputusan ini berada di luar jangkaan khalayak puisi kerana mesyuarat penambahbaikan acara ini pada September lalu sudah membincangkan cara meningkatkan mutu sayembara ini merangkumi format baru pertandingan dan pemilihan karya, tetapi tiada tindakan susulan, sebaliknya berita mengecewakan ini”

Dr Lim Swee Tin
Pensyarah UPM

korporat tidak salah menghulur bantuan bagi kelangsungan program ini,” ujarnya.

Selain itu, beliau turut menyarankan bakat baru dunia kepenyairan bersedia berdepan dengan masalah sedemikian kerana mereka kini menjadi fokus perubahan kepenyairan masa kini perlu mempersiapkan diri dengan ilmu, ketajaman minda, keberanian selain mewujudkan pelbagai jaringan yang membawa manfaat kepada mereka.

Penyair muda, Amran Ibrahim Rashidi, menyifatkan masalah itu berpunca daripada masalah dalaman



kebiasaan persatuan penulis negeri sehingga menyebabkan kebanyakan daripadanya mengambil sikap berdiam diri apabila Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka dihentikan.

“Kepincangan yang berlaku akhir-akhir ini sedikit sebanyak meruntuhkan semangat orang sastera untuk bergabung tenaga mengembalikan kegemilangan acara yang sudah berlangsung hampir 23 tahun ini. Persatuan penulis juga semakin kurang ampuh kerana terikat dengan politik dalaman persatuan.

“Kami amat berharap apabila JKKN mengambil alih acara itu daripada Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) ia dapat berkembang dan nilainya se-

bagai majlis berprestij di kalangan pemuisi dapat ditingkatkan, tetapi keadaan menjadi sebaliknya,” katanya. Justeru, beliau berharap kerajaan, swasta dan pencinta puisi agar menggembelng tenaga mengumpul dana bagi menganjurkan semula acara itu pada tahun ini, agar acara terbabit kekal sebagai asas yang menyatukan khalayak puisi pelbagai bangsa, peringkat umur serta negeri.

“Penggiat sastera tanah air perlu berani tampil bersuara sekiranya tidak mahu hal sedemikian berulang kembali pada masa akan datang kerana setidaknya-tidaknya mereka sudah berusaha untuk mempertahankannya, meskipun tiada tindakan susulan diambil.

“Saya yakin puisi dapat dipasarkan selaras dengan perkembangan dunia masa kini. Saya yakin jika kerajaan dan badan korporat dapat bekerjasama bukan saja Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka dapat berlangsung, malahan Akademi Sastera boleh dijadikan sebahagian daripada pengisian di stesen televisyen negara.

“Saya tidak nampak mengapa cadangan ini tidak dapat dilaksanakan sedangkan ia boleh memperkenalkan penulis puisi, cerpen, novel, skrip, deklamasi sajak, syair, gurindam dan pantun dalam pendekatan lebih berkesan, sekali gus menyuburkan semangat cintakan bahasa dan kesusasteraan Melayu.” tegasnya.